

CNS5773

R GB 09-08 00149 BA048

aab

Mandela

I

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed menghantar perutusan kepada pemimpin Afrika Selatan, Nelson Mandela, bagi mengulangi sokongan berterusan Malaysia terhadap penghapusan sepenuhnya dasar aparteid di Afrika Selatan.

Perutusan itu disampaikan melalui wakil khasnya, bekas Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie, yang menemui Encik Mandela di Rio de Janeiro Selasa lepas ketika pemimpin kulit hitam itu melawat Brazil.

Kenyataan Wisma Putra di sini hari ini berkata, perutusan itu antara lain menyebut kesediaan Malaysia untuk memberi sumbangan material dan bantuan lain ke arah pembangunan masa depan Afrika Selatan yang demokratik, bersatu dan bebas daripada aparteid.

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menentang dasar aparteid yang mahukan Pretoria dikembalikan kepada pemerintahan majoriti.

November lepas, Perdana Menteri menganjurkan lawatan pertama Encik Mandela, Presiden Kongres Kebangsaan Afrika (ANC), ke Malaysia. -- Bernama

09/08/11-02MST